

EKSPRESI GENERASI



Siapa sangka lukisan Fatimah menggunakan warna air diminati oleh orang ramai yang berminat untuk menempah dan menimba teknik melukis daripadanya.

Lukisan Warna Air

Sentuhan Fatimah

ALIAA mengambil masa 30 minit untuk menghasilkan sebuah lukisan warna air pada kertas A4.

REKAAN corak tudung yang mendapat sentuhan Aliaa.



BERUS warna di tangannya menari-nari di atas lembaran kertas putih bersaiz A4. Sesekali Fatimah Aliaa Osman, 27, mencelupkan berus berkenaan ke dalam bekas warna bagi mendapatkan tona yang diinginkan. Tidak mengambil masa yang lama, sebuah lukisan dipenuhi dengan corak bunga warna-warna pastel itu selesai dalam 30 minit. Dia yang mesra disapa Aliaa begitu mahir dalam pembuatan lukisan menggunakan warna air. Anak kelahiran Kedah itu baharu sahaja menceburi bidang lukisan iaitu pada

Lukisan Fatimah berjaya curi perhatian pengguna Instagram



BENGKEL lukisan warna air terbuka kepada sesiapa sahaja termasuk kanak-kanak.

Februari tahun lalu. "Semuanya berlaku secara tidak dirancang. Mulanya saya hanya mencari pekerjaan sampingan selepas berhenti kerja sebagai Eksekutif Kualiti Makanan di Kedah.

Curi tumpuan

"Saya berhenti kerja kerana mengikut suami ke Kuala Lumpur dan pada masa sama mentaja bapa serta bapa mentua yang sakit ketika itu," katanya sambil memberitahu bapa mentuanya sudah meninggal dunia.

Pemenang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan di Universiti Putra Malaysia itu berkongsi pengalaman bagaimana dia menceburlkan diri dalam bidang seni meskipun latar pendidikan yang berbeza.

"Saya merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Sains Polok Sena, Kedah. Ketika itu saya tiada pilihan untuk memilih kerana sering dimomokkan dengan

pemikiran, pelajar aliran sains perlu belajar bidang sains juga," terangnya.

Sejak berhijrah ke Kuala Lumpur, anak tunggal perempuan daripada empat adik-beradik itu mula mencari hobi yang boleh mengisi masa lapangnya. Dia mula melukis dan mewarna menggunakan warna air dan tanpa disangka-sangka, lukisannya itu mencuri tumpuan pengguna Instagram.

"Ramai yang mula bertanya adakah saya mengambil tempahan atau boleh mengajar. Sebenarnya ramai yang meminati bidang ini, namun untuk mempelajarinya mungkin agak terhad kerana kosnya agak mahal.

"Saya berpengalaman mengikuti kelas lukisan yang mengenakan bayaran sangat mahal dan sejak itu, saya nekad mahu membantu orang ramai mempelajari cara dan teknik melukis yang betul," tuturnya yang telah menganjurkan banyak bengkel lukisan menggunakan jenama,

BENGKEL yang dijalankan SincerelyByAliaa mengenakan bayaran RM50 seorang.

SincerelyByAliaa.

Lebih manis, Aliaa merupakan salah seorang penggiat seni muda yang bernaung di bawah program Young Art Entrepreneurs (YAE!) yang dikendalikan oleh Balai Seni Negara Malaysia.

Bengkel

YAE! menyediakan pakej untuk pelukis muda memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan. Peluang itu sekali gus dapat mengorak langkah Aliaa untuk membina kerjayanya.

"Menerusi program berkenaan, YAE! menyediakan platform kepada saya untuk mengadakan bengkel melukis bersama orang awam dengan bayaran RM50 seorang.

"Bengkel itu terbuka kepada sesiapa sahaja baik orang dewasa mahupun kanak-kanak," terangnya.

Selain menerima tempahan lukisan dan mengadakan bengkel, Aliaa turut menerima tempahan corak tudung untuk dikomersialkan.

Malah, dia turut melukis beg dan dompet yang menjadi sumber pendapatannya.

INFO Sincerely By Aliaa

- Nama: Fatimah Aliaa Osman
- Facebook/ Instagram: @sincerelybyaliaa
- Telefon: 012-464 8097
- Alamat: Art Depot, Balai Seni Negara Malaysia, Jalan Termerloh Off Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur